

279 individu belum ditemui

Kesemua mangsa hilang di perairan pantai timur semenanjung negara sepanjang 10 tahun lalu

■ NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN – Seramai 279 individu dilaporkan hilang dan masih belum ditemui di perairan pantai timur semenanjung negara sepanjang tempoh 10 tahun lalu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Wilayah Timur, Laksamana Pertama Maritim Datuk Mamu Said Aleo berkata, secara keseluruhannya seramai 1,031 mangsa direkodkan, berdasarkan 304 operasi mencari dan menyelamat (SAR) pernah dikendalikan pihaknya sejak penubuhan agensi itu.

“Sepanjang tempoh tersebut, seramai 623 mangsa berjaya diselamatkan, manakala 129 mangsa lagi meninggal dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Latihan Mencari dan Menyelamat (SAREX) Wilayah Maritim Timur di Ibu Pejabat Maritim dekat Indera Mahkota, di sini semalam.

Mamu berkata, kegagalan da-

lam aspek keselamatan seperti tidak memakai jaket keselamatan menjadi penyebab utama mangsa tidak dapat diselamatkan, selain kelewatan menerima laporan daripada pihak berkenaan termasuk keluarga mangsa.

Dalam pada itu, beliau berkata, hasil pemeriksaan dijalankan ter-

hadap bot-bot kecil mendapati beberapa keperluan dan kelengkapan keselamatan ketika berada di laut tidak dititikberatkan terutamanya pemakaian jaket keselamatan.

“Ini aspek yang kita kenal pasti tidak diambil perhatian oleh bot-bot kecil dan kemungkinan kelengkapan itu dianggap remeh sesetengah pihak.

“Malah, faktor seperti persekitaran, keadaan laut, cuaca serta kesesuaian aset juga mempengaruhi operasi SAR yang dijalankan,” katanya.

Menurutnya, pihaknya mem-

pergunakan program Pencegahan SAR dan program Sahabat Maritim yang dilaksanakan setiap tahun di peringkat negeri atau wilayah timur.

“Selain pelbagai aktiviti kesedaran seperti kempen, ceramah dan pengedaran risalah keselamatan di beberapa lokasi tumpuan, Maritim turut menjalinkan hubungan kerjasama dengan komuniti maritim seperti nelayan dan pengusaha bot pelancongan,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Mamu berkata, SAREX Wilayah Maritim Timur siri 10 itu melibatkan 16 agensi dan jabatan kerajaan termasuk wakil ejen perkapalan, pengusaha feri serta persatuan nelayan.

“Seramai 350 peserta menyertai latihan berkenaan dengan menggunakan 21 aset termasuk kapal, bot, jet ski, dan ambulans pelbagai agensi manakala latihan di laut akan diadakan di perairan Teluk Cempedak, di sini, esok (hari ini),” katanya.



Mamu (hadapan) bersama peserta SAREX siri 10 yang dirasmikan beliau di Ibu Pejabat Maritim dekat Indera Mahkota, semalam.